

POLISI ANTIRASUAH

KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD.

Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB) mempunyai pendirian **sifar toleransi** terhadap amalan rasuah, suapan dan penyalahgunaan kuasa dalam pengurusan dan perkhidmatan.

KPTMSB sentiasa komited untuk mencegah dan menangani rasuah dengan cara berikut:

- a) Memastikan warga KPTMSB tidak memberi, meminta, menerima sebarang hadiah, ganjaran, keraian, hiburan, pinjaman, tajaan atau apa-apa nilai kewangan untuk diri sendiri, ataupun untuk orang lain daripada mana-mana orang, pihak-pihak ejen, pembekal, kontraktor atau pihak-pihak lain dalam melakukan tugas rasmi;
- b) Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) dan segala undang-undang yang terpakai dalam setiap aktiviti perkhidmatannya;
- c) Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan polisi dan prosedur kerja bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan tadbir urus dan pelanggaran integriti;
- d) Menyediakan saluran aduan bagi warga KPTMSB dan pihak berkepentingan melaporkan sebarang salah laku rasuah dan integriti dengan memastikan kerahsiaan maklumat dan pengadu melalui pematuhan terhadap Polisi Aduan dan Perlindungan Pemberi Maklumat KPTMSB; dan
- e) Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kelakuan tidak wajar yang berkaitan dengan rasuah.

Setiap warga KPTMSB adalah bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan melaksanakan Polisi ini. Pelanggaran terhadap polisi ini akan dikenakan tindakan tatatertib mengikut Kod Etika dan Tatakelakuan KPTMSB yang sedang berkuatkuasa.

Pernyataan Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Antirasuah KPTMSB.